

Gugurkan 82 syarikat daripada GBC — Osman

UM 2 - NOV 2001

Oleh
AKMAR HISHAM MOKHLES

KUALA LUMPUR 1 Nov. — Gabungan Kontraktor Bumiputera Berwibawa (GBC) meminta kerajaan menggugurkan nama 82 daripada 270 syarikat dalam gabungan itu kerana tidak aktif serta gagal menunjukkan prestasi yang memuaskan.

Pengerusi GBC, Osman Abu Bakar berkata, syarikat-syarikat tersebut juga sudah tidak layak memegang status kontraktor berwibawa kerana projek yang mereka uruskan mempunyai banyak masalah.

Selain itu, jelasnya, ada antara kontraktor terbabit mengamalkan 'ali baba' bagi projek yang diberikan kepada mereka oleh kerajaan untuk mendapatkan komisen atau keuntungan secara mudah.

"Ini bermakna kontraktor terbabit sudah tidak lagi tulus, malah menyeleweng. Jadi adalah lebih baik mereka ini disingkirkan sahaja kerana gagal menepati syarat yang ditetapkan," katanya kepada *Utusan* selepas perasmian mesyuarat agung tahun-

an keenam GBC, di sini malam kehnarin.

Perasmian mesyuarat tersebut dilakukan oleh Pengarah Eksekutif, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed.

Osman berkata, kontraktor bermasalah seperti itu tidak wajar dibiarkan terus berada dalam gabungan itu kerana ia hanya akan menjejaskan kewibawaan GBC yang dibentuk oleh kerajaan.

Menurut beliau, GBC adalah program yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1994 dengan harapan akan wujud kontraktor bumiputera tulen 100 peratus dalam segala segi dan tidak banyak bergantung kepada pihak lain.

Pada masa kini, katanya, lebih 50 peratus keahliannya terdiri daripada kontraktor kelas A.

Justeru, tegas beliau, adalah penting kepercayaan yang diberikan kerajaan itu dijaga bagi mengelakkan matlamat penubuhan GBC menemui kegagalan.

Osman berkata, kontraktor yang wajar disingkirkan itu melibatkan

kelas A hinggalah F yang pernah menguruskan pelbagai jenis projek sebelum ini.

Beliau berkata, terdapat ramai lagi kontraktor bumiputera lain yang boleh mengisi kekosongan dalam GBC sekiranya syarikat yang gagal menunjukkan prestasi yang meyakinkan itu disingkir.

Ujar beliau, ramai ahli Persatuan Kontraktor-Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) yang telah berjaya membuktikan kemampuan mereka walaupun tidak mendapat status kontraktor berwibawa.

"Adalah lebih baik ahli PKMM dipilih menyertai GBC kerana ramai antara mereka telah membuktikan kemampuan sebenar," katanya.

Dalam pada itu, Osman berkata, GBC amat berharap kerajaan akan membantu gabungan tersebut melahirkan antara 30 hingga 40 kontraktor yang berpotensi untuk disenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur.

"Kita mahu kerajaan bantu syarikat terpilih ini sehingga mereka benar-benar berdikari serta berupaya melaksanakan projek-projek besar," katanya.